




PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

2021-2025

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F

Lebuhr Perdana Timur, Presint 1

62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Hak cipta/Copyright© Kementerian Perpaduan Negara (2021)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke sebarang bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara.

KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI	03
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA	04
SEJARAH KEMENTERIAN	06
SENARAI MENTERI PERPADUAN	07
VISI, MISI, MOTO	08
PUNCA KUASA, AKTA, DASAR DAN PELAN TINDAKAN BERKAITAN PERPADUAN	09
STRUKTUR ORGANISASI	11
PIAGAM PELANGGAN	12
PIHAK BERKEPENTINGAN (<i>STAKEHOLDERS</i>)	13
ISU DAN CABARAN	14
OBJEKTIF PELAN STRATEGIK	18
NILAI KEBERSAMAAN KPN	19
KERANGKA STRATEGIK KPN	21
TERAS DAN STRATEGIK	22
PELAN TINDAKAN KPN 2021-2025	32
PENUTUP	47

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

Saya bersyukur kerana Pelan Strategik Kementerian Perpaduan Negara 2021-2025 telah berjaya dikemaskini dengan penerapan konsep Malaysia MADANI seiring dengan apa yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri.

Pelan Strategik KPN 2021-2025 merupakan pelan yang komprehensif merangkumi semua fungsi dan peranan KPN untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Pelan ini akan menjadi manifesto yang dipegang dan dirujuk oleh setiap bahagian dan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara untuk menggerakkan peranan masing-masing dalam mencapai keberhasilan (outcome) yang disasarkan.

Besarliah harapan saya agar keberhasilan yang ditetapkan dalam pelan strategik ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Penting bagi setiap pegawai KPN memahami 7 strategi dipayungi dengan 4 teras utama yang dirancang dalam pelan ini agar program yang disusun dapat digerakkan dan diadaptasi untuk mencapai sasaran Kementerian seterusnya sebagai tunjang kerajaan perpaduan masa kini.

Jelas dilakarkan dalam Pelan Strategik ini iltizam dan janji KPN untuk terus memainkan peranan dalam menggerakkan aspirasi perpaduan negara seiring dengan visi Kementerian untuk menjadi peneraju perpaduan yang inklusif bagi mencapai kemakmuran bersama.

YB DATUK AARON AGO DAGANG

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

Pelan Strategik Kementerian Perpaduan Negara 2021-2025 merupakan rangka kerja lima (5) tahun yang komprehensif dan komitmen yang dipersetujui oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia secara bersama.

Dokumen pelan strategik ini menjadi rujukan utama KPN dan agensi-agensi di bawahnya dalam menggerakkan agenda perpaduan dan integrasi nasional selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 serta Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12).

Empat (4) teras dan tujuh (7) strategi yang telah dipasakkan dalam pelan strategik ini, merupakan fokus dan keutamaan KPN dalam merangka program dan aktiviti bagi tempoh lima (5) tahun. Ini bagi memastikan KPN sentiasa berada di landasan yang tepat dalam memacu agenda perpaduan yang turut menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara. Semoga pelan strategik ini akan dapat merealisasikan aspirasi perpaduan sebagaimana yang dihasratkan.

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF


PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

2021-2025

SEJARAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sejak 1969, entiti yang diwujudkan untuk menguruskan perpaduan telah melalui pelbagai fasa perubahan nama, peranan, fungsi dan tanggungjawab.



SENARAI MENTERI PERPADUAN



Tun V.T. Sambanthan
Menteri Perpaduan Negara
(1972 – 1973)



Dato' Haji Muhamad bin Nasir
Menteri Tak Berfolio di Jabatan Perdana Menteri
(1980 – 1983)



Datuk Dr. James P. Ongkili
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(1983 – 1986)



Encik Kasitah bin Gaddam
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(1986 – 1988)



Datuk Dr. Sulaiman bin Daud
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kehakiman
(1989 – 1990)



Dato' Napsiah binti Omar
Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
(1990 – Mei 1995)



Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail
Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
(1995 – 1999)



Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
(1999 – 2003)



YB Datuk Dr Maximus J. Ongkili
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Mac 2004 - Mac 2008)



YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal
Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
(Mac 2008 – April 2009)



Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(April 2009 – Mei 2013)



YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Mei 2013 – Mei 2018)



YB Senator Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial)
(Julai 2018 - Februari 2020)



YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
Menteri Perpaduan Negara
(Mac 2020 – November 2022)



YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara
(Disember 2022 - kini)

VISI, MISI DAN MOTO KPN



Peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama



Meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat

MOTO

“Perpaduan dalam Kepelbagaian”

PUNCA KUASA, AKTA DAN DASAR BERKAITAN PERPADUAN

Kementerian Perpaduan Negara komited untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

PUNCA KUASA

- Warta Kerajaan Persekutuan (MFO No. 3 2020) bertarikh 9 Julai 2020 menyatakan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara berkuat kuasa 10 Mac 2020.

AKTA


- Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)
- Akta Kuasa Menteri
- Akta Warisan Kebangsaan 2005
- Akta Perlindungan Hidupan Liar
- Akta Fi 1951
- Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
- Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
- Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80)
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) (Pindaan Jadual 1)

DASAR DAN PELAN TINDAKAN

- Dasar Perpaduan Negara
- Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030
- Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030
- KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025
- Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030
- Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030
- Pelan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity)
- Modul Pengurusan Dan Program KRN/ SRN
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Industri Kreatif
- Dasar Pengurusan Aset Kerajaan
- Dasar Pengurusan Rekod dan Arkib Elektronik 2008
- Dasar Pengurusan Rekod Kerajaan 2010
- Dasar Koleksi Bahan Audiovisual 2010
- Dasar Pentadbiran Arkib 2011
- Dasar Rujukan dan Akses 2012
- Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam 2012
- Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat
- Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan
- Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia
- Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia
- Dasar Hadiah dan Pertukaran
- Dasar Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)
- Dasar Sumber Media
- Dasar Khidmat Nasihat Dan Perundingan Perpustakaan Negara Malaysia
- Dasar Pengurusan Dokumen Terperingkat
- Dasar Sumber Manusia
- Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia
- Dasar Pelupusan Sumber Perpustakaan
- Dasar Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia
- Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan
- Dasar Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Perpustakaan
- Dasar Pembangunan Koleksi PNM

STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

CARTA ORGANISASI
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



PIAGAM PELANGGAN

Kementerian Perpaduan Negara komited untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut :

JENIS PERKHIDMATAN	JENIS PERKHIDMATAN
Pengurusan Aduan/ Pertanyaan/ Cadangan	Kami akan mengakui penerimaan aduan/ pertanyaan anda dalam tempoh SATU (1) hari bekerja; Kami akan memberi maklum balas terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh selewat- lewatnya TIGA (3) hari bekerja.
Pengurusan Maklum balas dan Input Berkaitan KPN	Kami akan menyediakan maklum balas berkaitan KPN dalam masa TUJUH (7) hari setelah menerima permohonan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan orang awam.
Penyediaan Ulasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM)	Menyediakan ulasan bagi Memorandum Jemaah Menteri dari mana-mana Kementerian dalam masa TUJUH (7) hari dari tarikh penerimaan input yang lengkap daripada Bahagian dan Jabatan.
Pengurusan Kewangan dan Perolehan	Pemprosesan dan pembayaran bayaran bil diselesaikan dalam tempoh 14 HARI bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
Pengurusan Sumber Manusia	Memastikan surat arahan penempatan kepada pegawai yang baharu lapor diri disediakan dalam tempoh LIMA (5) HARI bekerja.

PIHAK **BERKEPENTINGAN** (*STAKEHOLDERS*)

- DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong
- Perdana Menteri
- Ahli Jemaah Menteri
- Ahli Parlimen dan ADUN
- Ketua Setiausaha Negara
- Kementerian dan agensi pusat

PELANGGAN

- Orang awam/rakyat
- Penuntut Institusi Pengajian Tinggi
- Pelajar sekolah
- Kanak-kanak Tabika/Taska
- Ibu bapa pelajar

RAKAN **STRATEGIK**

- Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan
- Media
- NGO Perpaduan
- Pemimpin Komuniti
- Institut Pengajian Tinggi
- Syarikat Swasta dan Korporat
- Masyarakat Sipil
- Komuniti Rukun Tetangga (KRT)
- Badan/Persatuan Rumah Ibadat Selain Islam

ISU DAN CABARAN PERPADUAN

Secara umumnya, terdapat sepuluh (10) isu dan cabaran yang telah dikenal pasti dan dinyatakan oleh rakyat Malaysia melalui sesi libat urus yang telah dilaksanakan iaitu:

Etnisiti

Kepelbagaian etnisiti sering kali dianggap sebagai balasan utama yang menggugat perpaduan. Realitinya, perpaduan ialah perkara yang perlu diurus dan dipertingkatkan melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat interetnik dan intraetnik dengan penuh hemah.

Agama

Perbezaan pegangan agama ternyata disalah faham sebagai sempadan yang menghalang perpaduan dalam masyarakat kerana dilihat dalam konteks yang kurang tepat. Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan dengan agama yang berbeza memberikan kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat.

Kelas Sosial

Tidak dinafikan bahawa setiap sistem sosial masyarakat mempunyai hierarki kelas sosial yang disebabkan oleh struktur etnik, keturunan, pekerjaan, jawatan mahupun ekonomi. Perkara ini seharusnya tidak menjadi penghalang kepada perpaduan kerana setiap kelas sosial masyarakat saling melengkapi dari segi peranan dan tanggungjawab.

Perpaduan dalam kelas sosial perlu diuruskan dengan mencipta tapak integrasi yang memenuhi keperluan dan tujuan masyarakat meliputi kelas sosial

Pendidikan

Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) sering kali difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan kepada rakyat kerana dilihat dalam konteks pemisahan berasaskan etnik.

Hakikatnya, sistem pendidikan perpaduan yang dibina dan diamalkan akan berkesan sekiranya kandungan, kaedah dan program penghayatan perpaduan dalam setiap institusi dan sistem pendidikan yang wujud di dalam negara ini adalah seragam, bermula dari pendidikan awal kanak-kanak hinggalah peringkat pengajian tinggi

Bahasa

Bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan menjadi alat interaksi dan komunikasi kepada rakyat berbilang kaum dalam negara ini

Isu dan cabaran sebenar dalam konteks perpaduan adalah untuk melaksanakan pendidikan bahasa kebangsaan dalam semua institusi dan peringkat pendidikan agar semua rakyat mampu bertutur, menulis dan memahami antara satu sama lain merentasi etnik dalam suatu bentuk kesatuan pemikiran dan identiti sebagai rakyat Malaysia. Hasil Pendidikan ini seterusnya mampu menggerakkan rakyat mengaplikasikan bahasa sebagai alat untuk menjayakan perpaduan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Jurang Generasi

Masyarakat Malaysia kini mempunyai pelbagai lapisan generasi yang berstruktur dalam konteks usia, pendidikan, pekerjaan, ideologi dan budaya yang menyebabkan berlakunya pertembungan dari segi nilai, budaya semangat jati diri dan tahap toleransi. Jurang generasi ini dilihat kian melebar. Isu dan cabaran perpaduan sudah pasti berbeza antara generasi dan amat memerlukan pendekatan yang bersesuaian berdasarkan pengalaman hidup dalam setiap generasi.

Gender

Walaupun isi gender sering kali diungkapkan sebagai perbezaan kesaksamaan hak antara lelaki dan wanita, dalam konteks perpaduan persoalan gender sepatutnya dilihat dalam skop peranan dan kapasiti lelaki dan wanita untuk menjayakan agenda perpaduan pada peringkat individu, keluarga dan komuniti.

Sebagai contoh, wanita berkerjaya dan suri rumah sepenuh masa sudah pasti mampu berperanan dan mempunyai kapasiti dalam ruang berbeza untuk menjayakan perpaduan. Keupayaan merungkai peranan dan kapasiti gender menggunakan konteks perpaduan sebenar mampu mencorakkan pembangunan masyarakat dengan lebih dinamik.

Politik Federalisme

Pentadbiran dan sistem tadbir urus pada peringkat Persekutuan dan negeri perlu dilihat dari aspek sempadan politik, ekonomi dan sosial kerana terdapat perkara yang telah dipersetujui sebagai urusan peringkat negeri (seperti agama dan tanah).

Politik federalisme muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan. Oleh itu, politik federalisme perlulah diteliti dan dibincangkan dalam konteks permasalahan yang sebenar. Pemimpin di setiap peringkat juga memainkan peranan penting sebagai pemangkin perpaduan.

Ruang Bandar- Desa

Ruang bandar dan desa sering dibezakan melalui kekangan fizikal dan infrastruktur yang telah mencorakan ciri sosial masyarakat dan aktiviti ekonomi. Dalam konteks perpaduan, isu dan cabaran sebenar menjangkau kekangan ini dan perlu dilihat pada kesediaan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti memanfaatkan ruang bandar-desa dalam mengukuhkan perpaduan, bersesuaian dengan keperluan dan cabaran yang berbeza antara bandar dengan desa.

Media

Hebahan maklumat yang amat pantas merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh semua negara. Penyalahgunaan media massa dan digital oleh pihak yang tidak bertanggungjawab pula boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuh bagi mengimbangi kesan negatif akibat kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.

OBJEKTIF PELAN STRATEGIK



Memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;



Menyediakan platform untuk mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju dan pendekatan terbaik ke arah mengukuhkan agenda perpaduan nasional;



Memupuk keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama di Malaysia;




Memantau serta mengesan isu dan konflik yang berpotensi menggugat perpaduan dalam masyarakat; dan



Meningkatkan jaringan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan ke arah pembudayaan perpaduan.

NILAI **KEBERSAMAAN KPN**

SEPADU



SEMANGAT BERPASUKAN

- Berusaha menjalin hubungan permuafakatan atau kerjasama erat sesama rakan sekerja yang mendorong kepada memudahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.
- Melaksanakan tugas dalam satu pasukan serta saling membantu antara satu sama lain untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi.

EMPATI

- Menjadi penjawat awam yang boleh memahami keadaan dan kesusahan orang lain dan berusaha membantu dengan sedaya upaya.
- Perlu sentiasa mempunyai empati dalam menjalankan tugas harian terutamanya yang bertugas di barisan hadapan dalam penyampaian perkhidmatan namun masih terikat dengan prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Sifat prihatin kepada keadaan semasa dan masyarakat dalam melaksanakan tugas mahupun di luar ruang lingkup tugas dapat menjadi contoh dan mengeratkan lagi hubungan antara warga perkhidmatan awam dan masyarakat.

PROFESIONAL

- Berpegang pada ciri-ciri profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- Mendahulukan kepentingan perkhidmatan awam serta komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.
- Melengkapkan diri dengan kompetensi yang dikehendaki dalam meningkatkan kreativiti, inovasi dan produktiviti penyampaian perkhidmatan.

AKAUNTABILITI

- Berpegang pada akauntabiliti iaitu sifat bertanggungjawab terhadap sesuatu keputusan dan tindakan serta bersedia memberi penjelasan/kewajaran yang diperlukan..
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepercayaan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas.


DISIPLIN

- Mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa walau di mana pegawai berada.
- Sentiasa bijak merancang dan mengurus masa serta menyegerakan dan menyelesaikan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Mempunyai ketinggian moral, tertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng serta bebas rasuah dan cekap dalam menjalankan tugas.

USAHA

- Sentiasa bersungguh-sungguh dan berusaha dengan gigih dan penuh dedikasi dalam melakukan sesuatu tugas.
- Sentiasa rajin dan berusaha memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik.
- Mempunyai ketinggian moral, tertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng serta bebas rasuah dan cekap dalam menjalankan tugas.
- Cekal menghadapi sebarang tekanan atau kesulitan semasa bertugas dan tidak mudah berputus asa dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

KERANGKA STRATEGIK KPN



Pelan Strategik merupakan rujukan utama Kementerian dalam menggerakkan agenda perpaduan dan integrasi nasional selaras dengan Dasar Perpaduan Negara. Enam (6) nilai dalam Kerangka Malaysia MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ehsan diterjemahkan melalui teras-teras perpaduan.

Tujuh (7) strategi dikenal pasti di bawah empat (4) teras utama bagi membantu KPN melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan di dalam mengurus perpaduan nasional dan cabaran-cabaran yang berbangkit. Teras ini selari dengan Visi dan Misi yang telah ditetapkan.

TERAS DAN STRATEGI KPN

T1: Membina Rakyat yang Patriotik dan Demokratik	• S1: Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintaan Negara
T2: Membentuk Identiti Nasional	• S2: Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial • S3: Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama
T3: Memperkuh Ekosistem Perpaduan	• S4: Memperkuh Ekosistem Perpaduan Yang Mampan Bagi Membangun Masyarakat Progresif • S5: Memperkuh Jaringan Kolaborasi Strategik • S6: Memperkuh Mekanisme Penilaian Keberkesanan Program
T4: Memantapkan Tadbir Urus	• S7: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan

TERAS 1

MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK

Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara adalah asas perpaduan negara dan kesepaduan sosial. Oleh itu penekanan perlu diberikan kepada pengukuhan penghayatan pendidikan Rukun Negara dan peningkatan literasi perpaduan berdasarkan kefahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Sejarah Pembentukan Malaysia ke arah membina rakyat yang patriotik dan demokratik.

Usaha ke arah matlamat untuk memupuk semangat cintakan negara yang digambarkan melalui kecelikan dan kematangan demokrasi dalam kalangan rakyat sekali gus melahirkan rakyat yang lebih bertanggungjawab dalam mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

Pembentukan nilai-nilai perpaduan dalam diri generasi muda melalui pendidikan dan asuhan yang baik bermula dari seawal usia kanak-kanak. Anak-anak kecil ini sangat penting dididik dengan nilai murni seperti sikap hormat - menghormati, berkasih sayang dan pergaulan yang baik dengan rakan daripada pelbagai kaum sejak di awal usia lagi.

STRATEGI 1

Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintakan Negara

Pelaksanaan Pendidikan Rukun Negara perlu diperkemas dan dijadikan subjek penting dalam kurikulum pendidikan. Ini kerana penghayatan terhadap Rukun Negara mampu menyumbang kepada pembentukan peribadi dan sahsiah diri yang mulia seseorang individu. Penghayatan ini perlu dipupuk di awal usia anak-anak seperti yang telah disusun dan dilaksanakan di Tabika Perpaduan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Usaha pemantapan dan pengukuhan Tabika Perpaduan secara menyeluruh yang meliputi aspek kurikulum, kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), tadbir urus, profesionalisme guru Tabika Perpaduan, jalinan kerjasama bersama komuniti dan sistem pemantauan dan penilaian dipergiat dari semasa ke semasa dalam menyokong usaha membentuk Malaysia MADANI.

Usaha-usaha lain yang menjurus kepada peningkatan keupayaan modal insan berliterasi perpaduan yang tinggi perlu dilaksanakan menerusi penguasaan ilmu kenegaraan, pemupukan nilai masyarakat berbudaya dan pemantapan aspek moral serta nilai-nilai murni. Usaha ini perlu dipergiat secara berterusan seiring dengan prinsip pendidikan sepanjang hayat melalui pendidikan formal dan tidak formal serta memanfaatkan platform sedia ada seperti media massa atau kunjungan ke institusi seperti perpustakaan, muzium dan arkib negara. Kefahaman terhadap sejarah dan ketamadunan negara sangat penting dalam membina semangat cintakan negara.

TERAS 2

MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL

Pembangunan Malaysia MADANI seiring dengan usaha pembentukan identiti nasional. Pelaksanaan strategi berfokus di bawah teras ini akan menyemarakkan sikap saling hormat menghormati sesama rakyat, menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat serta sifat kebertanggungjawaban mempertahankan kedaulatan negara. Ia akan menjadi norma sosial dan budaya masyarakat Malaysia dan lambang identiti nasional bangsa Malaysia.

Cabaran utama dalam mengurus kemajmukan sosial masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama adalah untuk membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya. Sekali gus teras strategik ini memerlukan pendekatan berhemah serta penuh rasa hormat untuk usaha yang serius serta konstruktif dalam menguruskannya.

STRATEGI 2

Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial

Tapak integrasi merupakan asas yang membentuk lambang perpaduan di negara ini. Pengukuhan ke arah menyemarakkan semangat perpaduan dapat dizahirkan melalui program-program yang dirancang secara teliti dengan menitikberatkan pelbagai aspek termasuklah budaya, agama, kaum, bahasa, etnik, kelas sosial, gender, politik dan sebagainya.

Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program iaitu Semarak KENEGARAAN, Semarak PERPADUAN dan Komuniti RAHMAH. Kluster Semarak KENEGARAAN bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuh jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Kluster Semarak PERPADUAN pula dirancang bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bertepatan dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian. Segala aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagai tapak integrasi dalam menyemarakkan lagi semangat perpaduan.

Kluster Komuniti RAHMAH adalah program yang dirancang bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai sesama sendiri melalui penggabungan tenaga oleh semua pihak termasuklah agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

STRATEGI 3

Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama

Konsep keadilan, penerimaan, kefahaman dan saling hormat-menghormati perlu menjadi nilai asas yang perlu diketengahkan dalam program dan inisiatif yang diambil ke arah usaha merealisasikan objektif strategik ini. Hubungan baik antara penganut agama penting bagi memastikan kesejahteraan negara dan keharmonian hidup bermasyarakat kekal positif dan mampan.

TERAS 3

MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN

Seiring dengan usaha untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan negara bagi mempercepat pemulihan negara pasca COVID-19, ia perlu disokong dengan kesepaduan, kesepakatan dan persefahaman yang terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk negara ini melalui integrasi nasional. Peranan ini perlu digerakkan secara bersepadu terutamanya di peringkat komuniti melibatkan entiti dan jentera perpaduan yang bergerak secara sukarela dalam kalangan ahli komuniti berbilang bangsa, pelbagai etnik dan agama.

Kerjasama strategik dan kreatif antara KPN dengan Kementerian/Agensi Kerajaan, sektor swasta dan NGO serta masyarakat sivil di peringkat akar umbi perlu dipertingkatkan agar kepakaran semua pihak dapat digembleng sepenuhnya ke arah mencapai perpaduan. Oleh itu, amat penting untuk KPN mengenal pasti bidang-bidang keutamaan dalam menjalin kerjasama strategik dengan rakan-rakan perpaduan ini agar dapat bersama-sama berlari seiring memacu usaha menyatupadukan rakyat negara ini di dalam semua aspek dan bidang tumpuan.

Selain itu, kajian dan indeks pengukuran yang dibangunkan merupakan alat pengukuran komprehensif yang akan membantu KPN dalam membuat keputusan berkaitan perpaduan negara ke arah memperkukuh ekosistem perpaduan.

Kebersamaan dan keterangkuman dalam mewujudkan persekitaran ke arah pengukuhan perpaduan juga adalah penting bagi memastikan kebolehcapaian matlamat pengukuhan ekosistem Perpaduan Malaysia MADANI.

STRATEGI 4

Memperkuh Ekosistem Perpaduan Yang Mampan Bagi Membangun Masyarakat Progresif

Ekosistem perpaduan adalah perkara asas yang perlu dimantapkan bagi menyokong dan melancarkan gerakan penyatupaduan dan integrasi nasional yang disasarkan oleh teras strategik ini. Justeru, objektif strategik ini sangat dominan dalam merencanakan pencapaian aspirasi perpaduan dan integrasi nasional di seluruh negara.

Ekosistem perpaduan menumpukan kepada pemanfaatan medium komunikasi yang berkesan seperti media massa, elektronik atau digital, pelaksanaan program-program yang menyediakan peluang dan ruang untuk masyarakat berinteraksi dan berkomunikasi sama ada secara fizikal atau abstrak dan kemudahan fasiliti sosial berbentuk fizikal atau khidmat sokongan komuniti yang disediakan secara meluas serta boleh diakses oleh semua.

STRATEGI 5

Memperkuh Jaringan Kolaborasi Strategik

Fokus utama yang ditekankan di bawah teras strategik ini adalah mempergiat penglibatan pelbagai pihak sebagai 'Rakan Perpaduan' (*Friends of Unity*) dalam memberi sumbangan signifikan untuk menyemarakkan usaha ke arah menjayakan agenda perpaduan. Penekanan perlu diberikan kepada penganjuran program perpaduan oleh NGO atau Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh pihak Swasta. Bidang keutamaan Perpaduan Nasional yang perlu diberi tumpuan seperti Pendidikan Masyarakat; Cintakan Perpaduan; Pemeliharaan; Pengekalan dan Peningkatan Hubungan Kaum; Promosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama; Pembudayaan Perpaduan; Pemerksaan Khidmat Komuniti; Pemupukan Semangat Patriotisme; Silang Budaya; Integrasi Nasional; dan Keselamatan serta Keharmonian Komuniti.

STRATEGI 6

Memperkuh Mekanisme Penilaian Keberkesanan Program

Bagi memenuhi sasaran untuk memberi manfaat kepada semua, kerajaan perlu mewujudkan indikasi sosial untuk mengukur tahap perkembangan kesepaduan sosial dan keharmonian yang dikecapi masyarakat. Pelaksanaan kajian dan pengukuran tahap perpaduan negara boleh diperkuh dengan mengadaptasi pelbagai teknologi terkini seperti *Big Data Analytics*, automasi dan aplikasi digital. Menerusi kaedah dan pendekatan digital ini, keberkesanan pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti dapat dikawal selia secara *real time* dan analisis serta tinjauan masa hadapan (*foresighting*) boleh dilaksanakan bagi menambah baik pelaksanaan program serta mengenal pasti isu perpaduan yang perlu ditangani segera. Antara kajian yang dilaksanakan oleh KPN ialah Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang menjadi kayu pengukur tahap kesepaduan dalam kalangan masyarakat.

TERAS 4

MEMANTAPKAN TADBIR URUS

KPN perlu bersedia mendakapi fenomena IR 4.0 dan pasca pandemik yang menuntut kecekapan penyampaian perkhidmatan terutamanya bagi menyokong pihak pengurusan membuat keputusan yang cepat dan tepat serta bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasaran.

STRATEGI 7

Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan

Penggunaan teknologi pendigitalan dilihat sebagai antara kaedah penyelesaian bagi memenuhi keperluan di bawah norma baharu penyampaian perkhidmatan. Selain itu persekitaran kerja yang kondusif juga penting bagi memastikan tahap produktiviti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh oleh setiap anggota dan kakitangan dalam menawarkan perkhidmatan terbaik.

Antara pemantapan tadbir urus dalaman KPN melibatkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pendigitilan, urusan kewangan, integriti dan kualiti. Penghasilan Pelan Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Pelan Operasi Latihan (POL) dan Pelan Strategik Pendigitilan (PSP) Kementerian 2021-2025 merupakan antara inisiatif bagi meningkatkan tadbir urus dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dalaman KPN.

FLAGSHIP - KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program flagship yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan menelusuri ke seluruh pelosok negara dari bandar ke desa, dari prasekolah ke institusi pendidikan tinggi dan dari pemimpin ke akar umbi dalam usaha memberi pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh.

Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan bertindak melalui pendekatan-pendekatan berfokus kepada pencapaian matlamat Malaysia MADANI dengan mendepani serta mengurus isu dan cabaran yang boleh menggugat perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.

PROGRAM PERPADUAN MALAYSIA MADANI

Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.

Ketiga-tiga kluster program ini boleh dilaksanakan sama ada secara gabungan atau secara berasingan. Pendekatan pelaksanaan yang sama juga terpakai kepada aktiviti-aktiviti di bawah setiap kluster. Pelaksanaan program dan aktiviti akan dibuat berdasarkan kesesuaian tempat, masa dan kumpulan sasar. Berikut ialah tiga (3) kluster program yang telah dirancang untuk dilaksanakan:

Semarak Kenegaraan

Program di bawah kluster ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.



Semarak Perpaduan

Program yang dilaksanakan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian, aktiviti yang dilaksanakan akan menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau *moment of unity* akan sentiasa dilihat, didengar dan dirasakan di setiap lapisan masyarakat.

Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Program Perpaduan Malaysia MADANI dilaksanakan melalui Pelan Tindakan Kementerian Perpaduan Negara yang melibatkan agensi-agensi KPN iaitu Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

PELAN TINDAKAN KPN 2021-2025

TERAS 1: MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK

STRATEGI 1: MENINGKATKAN JATI DIRI DAN SEMANGAT CINTAKAN NEGARA				
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
1.	Simposium Pendidikan Rukun Negara Prasekolah	Bilangan program / setahun	1 Program	JPNIN
2.	Kempen Kesedaran Rukun Negara		1 Program	
3.	Program Galakan Membaca		60 Program	PNM
4.	Program keilmuan, keintelektualan dan warisan negara		10 Program	
5.	Program pengembangan/advokasi untuk mengukuhkan jati diri rakyat		3 Program	ANM
6.	Program pendokumentasian sejarah untuk memperkaya koleksi arkib dan sumber rujukan negara		22 Program	ANM
7.	Pemantapan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bahan perpustakaan sebagai warisan khazanah intelek negara	Bilangan bahan perpustakaan yang dipelihara dan dipulihara / setahun	290,000 Bahan	PNM
8.	Pengukuhan perancangan, pengurusan dan perolehan koleksi	Bilangan naskhah / setahun	270,000 Naskhah	PNM

STRATEGI 1: MENINGKATKAN JATI DIRI DAN SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
9.	Perluasan penyampaian maklumat melalui perkhidmatan rujukan, perujukan dan pinjaman	Bilangan koleksi / setahun	4 Juta koleksi	PNM
10.	Program penerbitan untuk memperkaya maklumat sejarah negara	Bilangan penerbitan / setahun	2-3 Penerbitan	ANM
11.	Memartabat dan melestari koleksi artifak negara: ➤ Pemeliharaan dan Pemuliharaan Harta Kebudayaan Negara (Koleksi) ➤ Perolehan Harta Kebudayaan Negara (PHK) ➤ Pendigitalan Bahan Nadir	Bilangan koleksi / muka surat	500 Koleksi 100 Koleksi 100,000 m/s	JMM
12.	Pameran pengukuhan jati diri rakyat	Bilangan pameran / setahun	4 Pameran	ANM
	Pameran memperkasa mekanisme penyebaran dan menyemarakkan ilmu pengetahuan		12 Pameran	JMM
13.	Penerbitan dalam memperkasa mekanisme penyebaran dan menyemarakkan ilmu pengetahuan	Bilangan penerbitan / setahun	6 Penerbitan	JMM

TERAS 2: MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL

STRATEGI 2: MENGUKUHKAN TAPAK INTEGRASI SOSIAL				
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
1.	Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) Peringkat Kebangsaan	Bilangan program / setahun	1 Program	KPN
2.	Program Literasi Maklumat dan Media (LMM)		24 Program	PNM
3.	Program Pendidikan dan Pengembangan Muzium (in-reach & out-reach)		85 Program	JMM
4.	Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)		1 Program / 1,000 Peserta	JMM
5.	Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan		1 Program	JMM
6.	Perlaksanaan Galeri Maya Arkib Memorial	Bilangan galeri	11 Galeri	ANM
7.	Program Semarak Sambutan Bulan Kebangsaan	Peratus KRT / setahun	70% KRT	JPNIN
8.	Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) Peringkat Negeri	Bilangan program / setahun	16 Program	
9.	Ini Warisan Kita		16 Program	
10.	Pertandingan Koir Perpaduan		17 Program	
11.	Anugerah My Hero		1 Program	

STRATEGI 2: MENGUKUHKAN TAPAK INTEGRASI SOSIAL

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENCI/ BAHAGIAN
12.	Program Jalinan Integrasi Nasional bersama-sama mahasiswa, penjawat awam dan pemimpin komuniti	Bilangan program / setahun	20 Program	JPNIN
13.	Kenali Budaya Kita : Program Integrasi Sosial Antara SJKT, SJKC dan SK		16 Program	
14.	Pantun PERPADUAN		16 Program	
15.	Ramah Tamah UNITI Keamatan dan Gawai		1 Program	
16.	Bicara Berirama PERPADUAN		16 Program	
17.	Kem Anak Malaysia		5 Program	
18.	Debat Perpaduan		1 Program	
19.	Chit Chat Belia MADANI		8 Program	

STRATEGI 3: MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENS/ BAHAGIAN
1.	Program Kolaborasi Bersama Agensi Kerajaan/Bukan Kerajaan/Badan Korporat/IPT	Bilangan program / setahun	16 Program	JPNIN
2.	Program Ramah Mesra Bersama Wakil Agama/ NGO Agama		16 Program	
3.	Program Ilmiah untuk meningkatkan Kefahaman dan Memupuk Sikap Menghormati Antara Penganut Agama		16 Program	
4.	Kempen dan Promosi Keharmonian dan Nilai-Nilai Murni		16 Program	
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)	Bilangan mesyuarat / setahun	2 Kali	KPN

TERAS 3: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN

STRATEGI 4: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN YANG MAMPAN BAGI MEMBANGUN MASYARAKAT PROGRESIF				
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
1.	Konvensyen Rukun Tetangga	Bilangan pelaksanaan program	1 Program	JPNIN
2.	KOMUNITI RAHMAH :			
	A. Gerak RAHMAH	Bilangan KRT yang melaksanakan program / setahun	8000 KRT	
	B. Kotak Rahmah	Bilangan agihan kotak/ setahun	5000 Kotak	
	C. Dapur Komuniti KRT / Dapur KAMI	Bilangan agihan <i>pack</i> makanan / setahun	50,000 <i>Pack</i>	
	D. Tuisyen KAMI	Bilangan KRT yang melaksanakan tuisyen / setahun	100 KRT	
3.	Karnival Keusahawanan KRT	Bilangan karnival / setahun	6 Karnival	
4.	Projek Ekonomi KRT	Bilangan projek / setahun	100 Projek	
5.	Program Pengukuhan Kepimpinan KRT	Bilangan program / setahun	232 Program	
6.	Program Sayangi Komuniti (PSK)	Bilangan lokasi	116 Daerah	
7.	Memperluas bilangan KRT (KRT Baharu)	Bilangan KRT baharu / setahun	100 KRT baharu	

STRATEGI 4: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN YANG MAMPAN BAGI MEMBANGUN MASYARAKAT PROGRESIF

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENS/ BAHAGIAN
8.	Seminar Kelestarian Keselamatan dan Keharmonian Negara	Bilangan program / setahun	16 Program	JPNIN
9.	Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan		116 Program	
10.	Program YES (<i>Young Effective Smart</i>)		16 Program	
11.	Konvensyen Jiran Muda Peringkat Kebangsaan	Bilangan konvensyen / setahun	1 konvensyen	
12.	Papan Muka Analitik Perpaduan (<i>Analytic Dashboard</i> Perpaduan)	Bilangan <i>dashboard</i>	1 <i>dashboard</i>	
13.	Program Gerak Padu	Bilangan program / setahun	32 Program	
14.	Program Sidang Mediator Komuniti (PSMK)		18 Program	
15.	Konvensyen Mediator Komuniti	Bilangan konvensyen	1 konvensyen	
16.	Pusat Mediasi Komuniti	Bilangan pusat komuniti / setahun	5 buah pusat	
17.	Bengkel Manual Pengurusan Konflik	Bilangan bengkel / setahun	1 buah bengkel	

STRATEGI 5: MEMPERKUKUH JARINGAN KOLABORASI STRATEGIK				
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
1.	Fiesta Raya Malaysia	Bilangan program / setahun	7 Program	JPNIN
2.	Program Integrasi Sosial Antara Komuniti dan SRN (INSAN)		1 Program	
3.	Program Kolaborasi Bersama <i>Friends of Unity</i> (NGO/ Syarikat)		16 Program	
4.	Penglibatan NGO, agensi kerajaan, pihak swasta, SRN dan KRN sebagai rakan kerjasama strategik dalam pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat komuniti		80 Program	KPN
5.	Bengkel meja bulat dengan NGO/swasta/pemimpin komuniti/IPT dan pihak berkepentingan lain untuk mengenal pasti jurang yang jelas dalam perpaduan	Bilangan bengkel / setahun	1 Bengkel	KPN
6.	Kerjasama pemerolehan rekod strategik dan berkepentingan negara	Bilangan kerjasama / setahun	1-2 Kerjasama	ANM
7.	Kerjasama kajian pemeliharaan dan pemuliharaan bahan arkib	Bilangan kajian	1 Kajian	ANM
8.	Kerjasama dalam pelaksanaan kajian dan penerbitan berkaitan manuskrip melayu dan koleksi nadir.	Bilangan kajian / setahun	1 Kajian	PNM
		Bilangan penerbitan/ setahun	1 Penerbitan	
9.	Program Bersama Komuniti di 506 Perpustakaan Desa (PD)	Bilangan program / setahun	1,000 Program	
10.	Kerjasama strategik dalam negara	Bilangan kerjasama / setahun	16 Kerjasama	JMM ANM PNM
	Kerjasama Strategik luar negara		7 Kerjasama	

STRATEGI 6: MEMPERKUKUH MEKANISME PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
1.	Pemeriksaan budaya akademik menerusi kajian yang dilaksanakan	Bilangan kajian	2 Kajian	PNM
2.	Pempakejan maklumat berkaitan perpaduan	Bilangan pakejan maklumat / setahun	6 Pakejan	
3.	Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	Bilangan kajian dijalankan	2 Kali (2022 & 2024)	KPN
4.	Kajian Model Kesepaduan Sosial Acuan Sabah dan Sarawak	Bilangan kajian	1 Kajian	KPN
5.	Wacana/Seminar Penyelidikan IKLIN	Bilangan program	2 Program	JPNIN
6.	Kajian perpaduan dan integrasi nasional : a) Kajian Keberkesanan Mediator Komuniti di Pulau Pinang, Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor b) Impak Nilai Patriotisme Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Kajian Sorotan Literatur Bersistematik c) Kajian Hubungan Antara Kesepaduan Sosial dan Keharmonian Kejiranan di Pulau Pinang, Selangor, WPKL, dan Johor d) Kajian Prestasi Penyertaan Kanak-Kanak Pelbagai Kaum di Tabika Perpaduan	Bilangan kajian / setahun	1 Kajian	

STRATEGI 6: MEMPERKUKUH MEKANISME PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSII/ BAHAGIAN
7.	Penerbitan (penerbitan kajian, artikel, lain-lain penerbitan berkaitan perpaduan)	Bilangan penerbitan / setahun	1 Penerbitan	JPNIN
8.	Kajian Semula Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)	Bilangan kajian	1 kajian	
9.	Webinar/ IKLIN <i>Executive Talk Series</i>	Bilangan program / setahun	5 Program	
10.	Kajian Pengukuhan Kompetensi Pegawai Perpaduan	Bilangan kajian	1 kajian	

TERAS 4: MEMANTAPKAN TADBIR URUS

STRATEGI 7: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN				
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
1.	Pembangunan Pelan/ Garis Panduan:	Bilangan Pelan dibangunkan	1 Pelan	KPN
	Pelan Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)		20 Pelan	
	Pelan Media (publisiti dan promosi) bagi setiap program Kementerian		4 Pelan	KPN, JMM, PNM & ANM
	Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP)		3 Pelan	KPN, JMM & PNM
	Pelan Operasi Latihan (POL)		1 Pelan	KPN
	Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)		1 Pelan	
	Pelan Komunikasi Strategik		4 Pelan	KPN, JMM, PNM & ANM
	Pelan Antirasuah		1 Pelan	JMM
	Pelan Tatacara Pengurusan Koleksi	Bilangan Garis panduan yang dibangunkan	1 Garis panduan	KPN
	Garis Panduan Pemantapan Pengurusan Keselamatan Organisasi		1 Garis panduan	
	Garis Panduan dan Polisi Antirasuah		1 Garis panduan	
	Garis Panduan Pengukuhan Pengurusan Aset yang Cepak		1 Garis panduan	

STRATEGI 7: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENS/ BAHAGIAN
2.	Semakan/ Pindaan Rang Undang-undang / Akta : Akta Rukun Tetangga 2012	Bilangan akta/ peraturan/ pelan	1	JPNIN
	Semakan semula Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030			ANM
	Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]			
	Pindaan Peraturan-peraturan (Penetapan Borang-borang bagi Pelupusan Rekod Awam 2008)			
	Pindaan Peraturan-peraturan Arkib Negara (Fi) 2015			
	Pindaan Peraturan Dewan Penyelidikan Arkib Negara Malaysia			
	Penggubalan Rang Undang-Undang Muzium	Peratusan Pembangunan RUU	25%	JMM
	Kajian semula dan pindaan Akta Perpustakaan Negara (1972/80)	Bilangan akta	1 akta	PNM

STRATEGI 7: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
3.	Pembudayaan Inovasi dan kualiti di sektor awam melalui pelaksanaan program-program inovasi seperti EKSA, ISO, KIK	Bilangan program inovasi / setahun	3 Program	KPN
4.	Pembangunan Polisi dan Prosedur ICT baharu selari dengan aspirasi dan objektif jabatan	Bilangan polisi	1 polisi	JPNIN
5.	Penempatan aplikasi kritikal jabatan di pusat data sektor awam (PDSA) MAMPU	Bilangan sistem teras dan sokongan	2 sistem teras 5 sistem sokongan	
6.	Memantapkan Pelan Media JPNIN	Peratus Penyediaan Perancangan Pelan Media Program	50%	
7.	Pembangunan Sistem Arkib Bersepadu - <i>Digital Records and Archives Management System</i> (D-ReAMS)	Bilangan sistem dibangunkan	1 Sistem	ANM
8.	Pelaksanaan perkhidmatan pendigitalan (E2E) sejajar dengan agenda pendigitalan sektor awam	Peratus pelaksanaan mengikut agenda pendigitalan sektor awam	85% Pelaksanaan	KPN
9.	Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)	Bilangan Mesyuarat / Setahun	2 Kali	KPN

STRATEGI 7: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
10.	Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak Serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)	Bilangan Mesyuarat / Setahun	2 Kali	KPN
11.	Pengurusan Kewangan dan Infrastruktur: Perbelanjaan bajet yang bertepatan dengan sasaran ➤ Belanja Mengurus	% Belanja mengurus / pembangunan	OE=95%	KPN
12.	➤ Belanja Pembangunan		DE=92%	
13.	Audit dan naziran : ➤ Pengurusan Kewangan, mengejut dan pematuhan	Bilangan PTJ diaudit / setahun	18 PTJ	KPN
	➤ Pematuhan Perakaunan Akruan	Bilangan PTJ dinazir / setahun	8 PTJ	KPN
	➤ Tabika Perpaduan dan <i>Star Rating</i> KRT	% Tabika dan KRT dinazir / setahun	25% Tabika Perpaduan & 2% KRT	KPN
14.	Pendokumentasian Koleksi Bahan melalui Sistem MUSECORE (Pendigitalan)	Bilangan koleksi	5000 Koleksi	JMM
15.	Peluasan penggunaan <i>Digital Document Management System</i> (DDMS) di sektor awam	Bilangan jabatan/agensi setahun	20 Jabatan	ANM

STRATEGI 7: MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN BILANGAN/ PERATUS	AGENSI/ BAHAGIAN
16.	Pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN)	Bilangan mesyuarat setahun	1 Kali	KPN
17.	Program peningkatan imej korporat Kementerian: - ➤ Pameran / Galeri Uniti ➤ Buku laporan tahunan ➤ Buletin	Bilangan pameran/ Buku laporan/ bulletin/ setahun	4 Pameran 1 Buku laporan 2 Buletin	
18.	Penambahbaikan pengurusan maklumat tabika perpaduan	Bilangan modul aplikasi digital yang dibangunkan	9 modul pendigitilan	JPNIN
19.	Pendigitalan koleksi khazanah warisan negara	Bilangan muka surat / setahun	115,000 m/s	PNM
20.	Perluasan perkhidmatan u-Pustaka sebagai hub maklumat negara	Bilangan perpustakaan / setahun	2 perpustakaan	

PENUTUP

Keberhasilan Pelan Strategik KPN 2021-2025 merupakan suatu usaha kolektif dan bersepadu di peringkat KPN dan semua Jabatan/ Agensi di bawahnya. Tindakan yang bersepadu ini akan menentukan keberhasilan strategik bagi memastikan perpaduan negara dan kesejahteraan rakyat terpelihara dan seterusnya mencapai visi yang ditetapkan iaitu KPN sebagai peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama.